

BAB KEEMPAT

PUNCA BERLAKUNYA PELACURAN

Terdapat pelbagai punca yang mendorong seseorang itu menjadi pelacur. Secara umumnya punca-punca ini berkisar kepada kemiskinan, keadaan rumah tangga yang kucar-kacir, mencari kepuasan seks, dadah, paksaan dan tipuan, keinginan untuk mendapat kehidupan yang senang dan taraf hidup di dalam masyarakat yang semakin tinggi.¹

Abdul Hadi Zakaria pula menyatakan bahawa terdapat tiga faktor atau alasan yang munasabah menyebabkan seseorang itu melacur antaranya ialah pertimbangan ekonomi, keadaan pekerjaan melacur dan mahu mencari keseronokan dan gaya hidup mewah.²

Di Kelantan, punca yang mendorong seseorang itu menjadi pelacur berkisar kepada keruntuhan institusi perkahwinan, keruntuhan moral, keinginan mendapat kehidupan yang senang dengan jalan mudah, kemiskinan dan terpedaya.³ Di

¹ Punca-punca ini berasaskan kajian Shaikh Mohamed Mohd. Sahed keatas pelacur-pelacur di Pulau Pinang. Sila lihat Shaikh Mohamed Mohd. Sahed, "Pelacuran: Kawalan Sosial dan Undang-undang di Malaysia (dengan rujukan khas di Pulau Pinang)," Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976/1977, hlm. 16.

² Lihat Abdul Hadi Zakaria, Pelacur dan Pelacuran di Malaysia, Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1980, hlm. 77.

³ Kelima-lima punca ini, adalah kesimpulan yang dibuat oleh penulis berdasarkan pengakuan 66 orang pelacur yang telah ditangkap oleh pihak MAIK di antara tahun 1915-1941. Selain itu penulis juga telah mengadakan temubual dengan dua orang bekas pelacur yang pernah melacur pada tahun sebelum Perang Dunia Kedua.

dalam kajian ini seramai enam puluh enam orang kenyataan pelacur telah diambil,⁴ dan analisa dibuat berdasarkan kenyataan mereka.

Berdasarkan kenyataan di atas sukar untuk menentukan dengan tepat mengenai satu-satu sebab yang menjadi punca utama seseorang itu melacur. Ini bermakna satu-satu sebab itu mungkin ada kaitan dengan satu sebab yang lain.

Punca berlakunya pelacuran

Perceraian

Perceraian adalah salah satu sebab yang jelas pelacuran berlaku di kalangan wanita Melayu Kelantan. Sebahagian daripada pelacur yang ditangkap telah berterus-terang mengakui bahawa mereka melacur kerana tidak mempunyai suami. Wan Siti binti Wan Mamat dari Kampung Engku Chik Gemuk,⁵ umpamanya mengakui bahawa beliau “membuat jahat”, namun begitu beliau jarang-jarang melakukannya kerana beliau telah mempunyai pekerjaan iaitu mengambil upah melakukan kerja isteri

⁴ Maklumat berkenaan mereka diambil daripada fail MAIK; Rujuk fail MAIK nombor, 135/16, 43/17, 175/19, 125/21, 325/21, 59/23, 338/38 dan 339/38. Semua kenyataan pelacur diambil semasa tangkapan dilakukan oleh pihak MAIK. Di dalam fail asal ramai lagi yang ditangkap, namun begitu penulis terpaksa memilih. Pemilihan ini dibuat secara umum, kerana beberapa masalah seperti sebahagian daripada kandungan fail tersebut telah hilang, tulisan kabur dan sesetengahnya tidak mempunyai halaman. Sila lihat lampiran (4.1).

⁵ Lihat kenyataan Wan Siti binti Wan Mamat Kampung Engku Chik Gemuk. Menurut beliau, “Hamba ini bujang lebih kurang tujuh bulan dengan sekarang. Hamba duduk membuat kerja kepada bini raja muda ambil upah menumbuk dan lainnya. Hamba ini tidak tetap ikut hendak balik ke darat Mulong kerana asal hamba orang Mulong. Hamba ini ada juga jarang-jarang sekali membuat jahat bagaimana yang diketahui oleh majlis itu. Bukan hamba ini berjahat seperti orang lain-lain itu hanyalah jarang-jarang sahaja maklumlah orang bujang. Akan berkahwin dalam masa dua hari lagi.” Lihat, MAIK, 135/16, “Berkenaan dengan perempuan tua yang menjadikan barua titahnya minta diberhentikan mereka yang semacam itu daripada menjalankan pekerjaannya,” hlm. 2.

raja muda. Walau bagaimanapun sebab “bujang” dijadikan alasan beliau melacur.

Keadaan yang sama dinyatakan oleh Patimah binti Awang Senik dari Kampung Tumpat dan Mek Teh binti Jusoh dari Kampong Tok Kong.⁶ Kedua-dua pelacur ini menyatakan bahawa mereka “bermain muda” kerana seorang diri. Menurut Patimah binti Awang Senik, beliau tidak mempunyai tempat tinggal, bagi beliau di mana-mana tempat yang boleh menghiburkan hatinya di situlah beliau akan tinggal. Ini disebabkan beliau juga “bujang” atau tidak mempunyai suami. Mek Teh binti Jusoh pula menyatakan bahawa beliau telah lima belas tahun tinggal di Kota Bharu dan sepuluh tahun hidup sendirian. Kedua-dua pelacur ini mengakui bahawa mereka tidak mengetahui bahawa perbuatan mereka ditegah oleh kerajaan. Kenyataan Mek binti Deris dari Kampong Bachok,⁷ juga hampir sama iaitu beliau melacur untuk “suka-suka hati” kerana beliau seorang “bujang”.

⁶ Lihat kenyataan Patimah binti Awang Senik Kampung Tumpat dan Mek Teh binti Jusoh Kampong Tok Kong. Menurut Patimah, “Maka sekarang saya duduk rata dengan sebab saya tiada laki di mana tempat yang boleh saya bersuka hati di situlah saya duduk. Makan pakai saya yang sehari ini tidak tetap saya dapat. Saya tiada siapa-siapa yang memelihara saya. Saya ada buat (bermain muda) dan lain yang berkaitan dengan orang muda dengan sebab saya seorang diri. Saya tidak tahu perkara bermain muda itu kerajaan ada tegah. Dahulu daripada ini saya tidak pernah majlis panggil.” Lihat, MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 13. Bagi Mek Teh Jusoh pula beliau menyatakan, “Saya duduk di Kota Bharu ini lebih kurang lima belas tahun dengan sekarang. Saya bujang sudah sepuluh tahun. Saya duduk pada masa ini pertama kerana saya seorang diri. Saya mencari sendirilah bagaimana keadaan orang-orang muda. Saya tidak tahu undang-undang kerajaan adalah orang yang melaku pekerjaan itu sekali pun belum pernah saya dipanggil hadir ke majlis inilah sahaja.” *Ibid.*, hlm. 13.

⁷ Lihat kenyataan Mek binti Deris Kampong Bachok. Menurut Mek, “Hamba turun ke Kota Bharu ini lebih kurang sebulan kerana membeli barang duduk di rumah Pak Man Jawa. Hamba ini duduk tiada pekerjaan hanyalah suka-suka hati sahaja sebab hamba bujang lebih kurang setahun dengan sekarang hamba ini tidak tahu apa-apa hanyalah baharu tahu hamba dipanggil sahaja.” *Ibid.*, hlm. 2.

Daripada kenyataan keempat-empat pelacur di atas dapat dinyatakan bahawa mereka melacur kerana “bujang” atau disebabkan tiada suami. Oleh itu mereka merasakan kesunyian, kesepian dan dengan jalan melacur mereka memperoleh keseronokan.

Selain itu terdapat yang melacur didorong oleh keinginan untuk berkahwin. Spiah binti Pak Chek’ dari Lorong Tengku Putera Semerak,⁸ misalnya menyatakan bahawa beliau “bermain muda” tidak tetap tetapi dengan orang Melayu sahaja kerana ingin mencari persetujuan untuk berkahwin. Walau bagaimanapun beliau belum lagi menemui jodohnya. Beliau juga mengakui telah setahun “bujang” dan selain melacur beliau menyara kehidupannya dengan menari ronggeng. Bagi Emas binti Pak Chek’,⁹ pula beliau mengakui “bermain tetap” dengan mata-mata (polis) dan beliau

⁸ Lihat kenyataan Spiah binti Pak Chek’. Menurut Spiah, “Saya duduk di Lorong Tengku Putera Semerak saya sekarang bujang. Kehidupan saya dengan mencari makan dengan menari ronggeng lain-lain pekerjaan tak dak. Saya tak dak bermain tetap dengan siapa-siapa pun saya bujang lebih kurang setahun, saya ada bermain muda dengan tidak tetap ada juga tetapi tidak lain ialah semata-mata dengan orang Melayu lagi pula tidak saya pergi mengacau-gacau di kelain tempat hanya di bandar Kota Bharu sahaja. Saya tahu pekerjaan itu salah pada hukum. Saya bermain-main itu kerana hendak cari bersetujuan dengan sebab hendak berkahwin tetapi selama itu tidak bertemu lagi yang bersetujuan. Saya duduk bersekali dengan Mek Ngor mak saudara Putih. Mek Ngor itu pun bujang juga. Sekarang saya tak dak berjanji dengan siapa-siapa lagi hendak berkahwin. Saya mengaku dan taat tidak bermain muda dari masa ini sampai bila-bila pun dan dan mengaku saya melakukan perangai orang baik, sekiranya didapati melanggar akuan saya itu mengaku saya menerima apa-apa hukuman.” Lihat, MAIK, 125/21, “Berkenaan dengan empat orang perempuan jahat melakukan kejahatan,” hlm. 2.

⁹ Lihat kenyataan Emas adik Spiah binti Pak Chek. (Emas dan Spiah adalah adik-beradik). Katanya, “Saya sekarang duduk bersekali dengan kakak saya Spiah kehidupan saya dengan tidak ada apa-apa pekerjaan. Saya sekarang bujang baharu lepas edah tiga hari dengan laki saya Yusof. Saya sekarang bermain tetap dengan Awang mualaf mata-mata gelap nombor 10. Saya bermain dengan dia lebih kurang dua bulan perbelanjaan saya Awang beri belanja iaitu semua gajinya diserahkan kepada saya sebanyak \$38. Awang ini orang Pasir Tumboh. Dalam masa ini seperti orang laki bini pada tidur duduk dan makan pakai. Saya hendak berkahwin dengan Awang lagi satu bulan. Sebelum menikah saya hendak bersuku-sukulah. Maka mengakulah saya tidak bersekali dengan Awang melainkan kemudian daripada berkahwin dan mengakulah saya hendak melakukan perangai yang baik jika didapati menyalahi akuan saya itu taatlah saya apa-apa hukuman.” Ibid. hlm. 3.

menyatakan telah lebih kurang dua bulan segala perbelanjaannya ditanggung oleh pasangannya. Sepanjang tempoh tersebut kehidupannya adalah seperti suami isteri. Beliau juga menyatakan akan berkahwin dengan pasangannya dalam tempoh satu bulan lagi.

Daripada kenyataan kedua-dua pelacur ini menunjukkan mereka melacur kerana ingin mencari pasangan untuk kahwin.¹⁰ Bagi Spiah binti Pak Chek', beliau mempunyai pekerjaan dan berkeinginan untuk berkahwin tetapi belum lagi bertemu oleh itu beliau mencari pelanggan Melayu kalau-kalau akan bertemu jodohnya. Hal ini berbeza dengan adiknya Emas. Emas walaupun tiada pekerjaan, tetapi ada orang yang menyara kehidupannya. Namun daripada kenyataan kedua-duanya tidak dinafikan bahawa mereka melacur kerana hendak mencari pasangan untuk berkahwin.

Berdasarkan kenyataan di atas ternyata perceraian menjadi punca kepada terjerumusnya perempuan tersebut kepada pelacuran. Perceraian jika ditinjau kesannya kepada institusi perkahwinan amat besar sekali. Seseorang isteri apabila diceraikan mereka akan mengalami satu tekanan jiwa dan perasaan yang sukar ditanggung. Keinginan untuk memenuhi tuntutan batin, kesunyian dan kesepian adalah rutin yang terpaksa ditempohi setelah bergelar janda. Oleh kerana tipisnya keimanan di dada mereka telah memilih bidang pelacuran sebagai memenuhi tuntutan naluri serta mendapatkan keseronokan.

¹⁰ Selain kedua-dua pelacur ini Limah binti Adam, Mek Som binti Ibrahim, Aishah binti Deris, Che Som binti Ali dan Membunga binti Mat Diah menunjukkan reaksi yang sama iaitu ingin berkahwin. Lihat lampiran (4.1).

Perceraian juga menyebabkan mereka mengalami kehilangan tempat pergantungan dan perlindungan. Ini boleh dilihat daripada kes, Limah binti Adam yang berasal dari Bachok,

Saya asalnya orang Bachok lama turun ke Kota Bharu dua bulan sewa rumah saya bayar \$3.00 dan saya tak dak membuat suatu apa-apa pekerjaan makan dan pakai hak saya sendiri dan saya baharu bercerai dengan laki saya dua bulan dan sudah cerai saya tak dak bawa laki saya nama Senik bin Husin Kampung Bachok. Maka saya hendak berlaki tak dak orang mahu lagi jikalau ada orang mahu kepada saya sekarang pun saya mahu selalu. Maka saya mengaku sekarang saya tidak mahu membuat melakukan kelakuan yang jahat pada masa dahulu betul saya membuat kelakuan yang jahat sekarang saya hendak balik ke Bachok ke kampung tempat saya dan saya menurunkan tandatangan di bawah ini adanya.¹¹

Di dalam pengakuannya, Limah mungkin terdesak melacur kerana tiada siapa yang menanggungnya. Beliau menanam keinginan untuk berkahwin sekiranya ada yang ingin mengambilnya sebagai isteri. Ini menggambarkan bahawa Limah tidak ingin berterusan menjadi pelacur, sekiranya ada orang yang bersedia mengambil tanggungjawab untuk memperisterikannya.

Hal yang sama turut dinyatakan oleh bekas pelacur, Mak Cik Limah (bukan nama sebenar),¹² beliau mengakui bahawa kehidupan sebagai seorang janda amat sukar, apatah lagi jika mempunyai anak sedangkan tiada pekerjaan yang boleh dilakukan.

¹¹ Kenyataan Limah binti Adam. Lihat, MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 7.

¹² Hasil temubual penulis dengan salah seorang bekas pelacur yang kini telah berusia 76 tahun. Ditemubual pada 21hb. November, 1996. Nama dan tempat terpaksa dirahsiakan. Setelah dua tahun menjadi pelacur beliau akhirnya berkahwin dengan salah seorang pelanggannya, bernama Pak Chik Mail (bukan nama sebenar). Melalui perkahwinan tersebut beliau dikurniakan tiga orang anak dan perkahwinan tersebut berkekalan hingga kini.

Beliau telah tiga kali berkahwin. Perkahwinan kali pertama beliau telah dikurniakan seorang anak, begitu juga perkahwinan bagi kali kedua dan ketiga. Dengan sedikit kepandaian menari dan kebetulan memiliki rupa paras yang cantik beliau bekerja menari ronggeng. Dengan pendapatan tersebut beliau dapat menyara kehidupan anaknya yang ditinggalkan bersama nenek di kampung. Di peringkat awal itulah pekerjaan yang dilakukannya, namun akhirnya beliau terpedaya dengan janji manis seorang lelaki yang menjadi ketua Mak Yong yang akhirnya menjerumuskan beliau ke lembah pelacuran. Lelaki yang banyak membantunya rupanya seorang bapa ayam. Beliau terperangkap antara budi lelaki tersebut. Menurut beliau sebagai usaha membalas budi dan layanan baik lelaki tersebut yang memberikan perlindungan dan pekerjaan kepadanya akhirnya beliau menerima tawaran lelaki tersebut supaya menjadi pelacur.

Berdasarkan kenyataan di atas, tidak hairan jika kebanyakan pelacur yang ditangkap dan didakwa adalah terdiri daripada janda. Berdasarkan enam puluh enam kes dakwaan MAIK, lebih dua pertiga daripada pelacur terdiri daripada orang “bujang” atau yang pernah berkahwin dan berstatus janda. Sebanyak lima puluh tiga pelacur menyatakan bahawa mereka diceraikan, sementara tiga belas orang lagi tidak memberitahu status mereka.¹³

Jangka masa perceraian di kalangan pelacur sukar ditentukan, kerana daripada enam puluh enam orang pelacur hanya tiga puluh lapan pelacur memberitahu tarikh mereka telah bercerai. Sementara baki dua puluh lapan orang lagi, tidak dapat ditentukan. Daripada tiga puluh lapan orang pelacur tersebut, dua puluh lapan

¹³ Kenyataan di atas berdasarkan analisa penulis ke atas status pelacur. Analisa tersebut berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh pelacur setelah ditangkap oleh pihak MAIK. Sila lihat lampiran (4.1)

daripadanya usia perceraian mereka antara dua puluh hari hingga sepuluh bulan (daripada jumlah ini seramai dua puluh orang usia perceraianya empat bulan ke bawah), enam orang bercerai lebih kurang setahun, seorang bercerai lebih kurang setahun setengah, seorang dua tahun, seorang lima tahun dan seorang lagi telah bercerai selama sepuluh tahun. Jadual (4.1) di bawah menunjukkan jangkamasa perceraian di kalangan pelacur.

Jadual (4.1)
Jangkamasa perceraian di kalangan pelacur.¹⁴

Jangkamasa	Jumlah
20 hari hingga 10 bulan	28
lebih kurang setahun	6
setahun setengah	1
dua tahun	1
lima tahun	1
sepuluh tahun	1
Jumlah	38

Jadual (4.1) menunjukkan bahawa lebih lima puluh peratus perempuan yang terjebak ke lembah pelacuran adalah mereka yang di dalam edah.¹⁵ Dengan itu membuktikan bahawa tiadanya tanggungjawab suami ke arah memberi nafkah,¹⁶ kepada isteri sedangkan mengikut hukum Islam, suami adalah bertanggungjawab menyediakan atau memberi nafkah kepada isteri yang di dalam edah.

¹⁴ Jadual di atas disediakan oleh penulis setelah menganalisis jangka masa perceraian di kalangan pelacur. Analisis tersebut berdasarkan pengakuan enam puluh enam orang pelacur yang ditangkap oleh pihak MAIK. Sila lihat lampiran (4.1).

¹⁵ Edah tempohnya tiga bulan sepuluh hari atau empat bulan sepuluh hari atau selepas bersalin.

¹⁶ Nafkah yang dimaksudkan ialah nafkah zahir (ekonomi) menjadi kewajipan seseorang suami untuk memberikan nafkah yang cukup kepada isterinya di samping layanan yang baik, kasih sayang dan sebagainya. Pemberian nafkah yang dapat memenuhi keperluan rumah tangga yang asas sahaja diambilkira. Ramai suami yang tidak memberikan nafkah yang mencukupi dan ada yang langsung tidak menunaikan kewajipan. Sebab-sebabnya samada suami tersebut tidak mampu atau sengaja melakukannya akibat suka berjoli di tempat lain.

Ketiadaan nafkah atau sumber pendapatan ini mendorong janda-janda ini keluar mencari rezeki.

Menurut Tok Kenali salah satu sebab terceburnya perempuan ke lembah pelacuran kerana sifat malas lelaki di dalam menanggung nafkah anak isteri. Menurut beliau,

Maka daripada kemalasan itu dibiarkanlah anak isteri itu keluar sendiri mengerjakan yang patut dikerjakannya dan tidak diambil berat walau isteri atau anak mudanya itu mencari kesukaan kesedapan dirinya.¹⁷

Menurut rencana *al-Hikmah* pula,

Jarang-jarang sangat perempuan-perempuan menyundal kerana menurut nafsu kepada kelazatan. Sebaliknya tidak lain daripada masalah mengisi perut sahaja atau berhajat kepada wang sedikit kerana memenuhi perutnya dan nafsunya yang tamak. Ini menunjukkan bahawa mereka itu kekurangan wali-wali yang menanggung nafkahnya atau pun dari lain-lain sebab yang semuanya itu tidak lain daripada masalah mengisi perut sahaja.¹⁸

Daripada huraian di atas juga didapati terdapat di kalangan pelacur yang menyimpan hasrat untuk berkahwin. Ini bermakna mereka ingin kembali hidup berkeluarga. Namun begitu impian mereka ini jarang kecapaian kerana dari jumlah perempuan yang diceraikan oleh suaminya hanya sebilangan kecil sahaja yang berpeluang berkahwin bagi kali yang kedua. Seringkali pula perempuan itu bukan hanya terpaksa mencari nafkah menanggung dirinya sendiri malah menanggung beban membela

¹⁷ Tok Kenali, "Persundalan" Pengasuh, dalam Surat Persendirian Za'ba, SP18/1B/188, Bil. 87, 30/12/21, hlm. 5.

¹⁸ "Sundal", Al-Hikmah, Bil. 284, Tahun 6, 22/2/40, hlm. 17.

beberapa orang anak yang telah ditinggalkan oleh suaminya. Pengalaman pahit dari perceraian menimbulkan rasa benci terhadap lelaki dan satu cara memuaskan perasaan itu ialah dengan memperdayakan sebanyak-banyak lelaki yang boleh melalui pelacuran. Di dalam hal lain seseorang perempuan itu menemui jalan buntu tentang apakah yang dapat dilakukan untuk mendapat wang untuk membela anak-anaknya yang masih kecil. Tanpa pelajaran atau kebolehan-kebolehan istimewa seperti menjahit dan sebagainya, akhirnya perempuan itu beralah kepada pelacuran sebagai jalan yang paling mudah untuk menyelesaikan masalah.

Keruntuhan moral

Keruntuhan moral merupakan salah satu sebab berkembang biaknya pelacuran. Seseorang yang bermoral tidak akan melakukan pekerjaan yang sia-sia semata-mata untuk memenuhi tuntutan nafsu. Alasan ditinggalkan suami bukanlah merupakan jalan terakhir untuk melontarkan diri ke lembah kehancuran, walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa wanita Melayu Kelantan ketika itu amat bergantung kepada lelaki untuk meneruskan kehidupan. Kebergantungan ini jelas terlihat apabila mereka sanggup mengorbankan kehormatan diri semata-mata untuk mendapatkan apa yang dikehendaki.

Mek binti Deris,¹⁹ yang berasal dari Bachok menyatakan bahawa beliau melacur untuk “suka-suka hati” kerana tiada pekerjaan yang boleh dilakukannya kerana beliau seorang “bujang”. Situasi yang sama digambarkan oleh Patimah binti Awang

¹⁹ Lihat, MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 2. Lihat juga nota kaki nombor 7, di halaman 117.

Senik,²⁰ yang berasal dari Kampung Tumpat. Beliau mengaku tiada tempat tinggal yang tetap, di mana sahaja beliau boleh hiburkan hati maka di situlah beliau akan tinggal. Makan, minum serta pakainya juga tidak tentu diperolehi. Walau bagaimanapun beliau mengaku bahawa tiada disimpan oleh sesiapa pun. Beliau juga mengaku “bermain muda” kerana seorang diri dan tidak mengetahui bahawa perbuatannya ditegah oleh kerajaan sehinggalah dipanggil oleh pihak MAIK.

Selain itu kedapatan juga di kalangan perempuan-perempuan tersebut yang mempunyai pekerjaan lain, tetapi melacur semata-mata untuk memenuhi tuntutan batin. Aktiviti ini dilakukan sekali-sekala sahaja. Kenyataan Wan Siti binti Wan Mamat menggambarkan situasi tersebut.²¹

Sementara Selamah binti Jenal, pula menyatakan bahawa beliau melacur kerana “bosan” berada di rumah disebabkan beliau “bujang”. Menurut Selamah,

Saya ini peranakan di Kelantan duduk saya pada masa ini yang tetapnya sedang di rumah saya. Maka saya duduk di Kota Bharu di rumah Seman saudara saya di Kampung Nik Seri Paduka sebab yang saya duduk di rumah saudara saya ini kerana saya ini puas duduk di rumah bapa saya seorang itu kerana saya ini orang bujang. Sungguhpun saya duduk di Kota Bharu ini bukan saya ini melakukan perkara jahat barang ditegah syara' dan mengakulah saya daripada tarikh surat ini apakala saya melakukan perbuatan yang ditegah oleh Majlis Agama Islam mengikutlah saya apa hukuman di atas saya. Dan juga kemudian daripada hari ini saya mesti balik duduk di seberang di rumah bapa saya hanya mari ke Kota Bharu ini sehari dua sahaja kerana berjumpa dengan saudara saya Sulaiman. Dan kemudian jika ada janji temuir (jodoh) saya dengan siapa saya hendak berlaki.²²

²⁰ *Ibid.*, hlm. 13. Lihat juga nota kaki nombor 6, di halaman 117.

²¹ *Ibid.*, hlm. 2. Lihat juga nota kaki nombor 5, di halaman 116.

²² Kenyataan Selamah binti Jenal. *Ibid.*, hlm. 6.

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa Selamah merasa bosan tinggal di rumah kerana keseorangan di sebabkan beliau “bujang”. Untuk mengatasi masalah tersebut beliau telah berkunjung ke rumah saudaranya di Kota Bharu. Beliau juga turut menafikan kegiatannya sebagai pelacur dan memberitahu bahawa beliau akan kembali ke kampung halaman setelah berada beberapa hari di rumah saudaranya. Selamah juga menaruh keinginan untuk berkahwin sekiranya menemui jodoh nanti.

Keruntuhan moral di kalangan wanita-wanita ini juga, dapat diperhatikan daripada pengakuan Spiah binti Pak Chek’,²³ dan Emas binti Pak Chek’.²⁴ Kedua-dua pelacur ini mengakui menjadi pelacur. Spiah umpamanya mengaku bahawa beliau melacur dengan pelanggan-pelanggan berbangsa Melayu sahaja dengan harapan akan ketemu jodoh dengan salah seorang daripada mereka. Hal ini berbeza dengan Emas, beliau walaupun menaruh keinginan untuk berkahwin namun tidak melayan sembarangan lelaki. Ini kerana beliau telah menjadi simpanan kepada seorang anggota polis. Beliau menaruh harapan untuk berkahwin dengan lelaki tersebut. Walaupun cerita kedua-dua pelacur ini berbeza, namun matlamatnya sama iaitu kedua-duanya melacur kerana didorong oleh keinginan untuk berkahwin.

Daripada kenyataan pelacur-pelacur di atas, disimpulkan bahawa wanita tersebut telah mengalami keruntuhan moral. Mereka melacur kerana kegagalan untuk melawan tuntutan hawa nafsu. Ketiadaan suami, dijadikan sebab atau punca kepada terceburnya mereka ke jurang pelacuran. Lantaran diceraikan mereka merasa bosan,

²³ Lihat MAIK, 125/21, *op.cit.*, hlm. 2. Lihat juga halaman 118 -119 di dalam bab keempat.

²⁴ *Ibid.*, hlm. 3. Lihat juga halaman 118-119 di dalam bab keempat

kesunyian dan kesepian serta perlukan lelaki sebagai tempat pelepas hawa nafsu. Selain itu mereka jadikan pekerjaan melacur dan bersekedudukan sebagai taruhan atau perjudian untuk mendapatkan teman hidup, walaupun mereka menyedari perbuatan tersebut adalah satu kesalahan.

Daripada kes-kes di atas boleh disimpulkan bahawa keruntuhan moral ini berpunca daripada ajaran dan pegangan agama yang lemah. Tipisnya pengetahuan agama Islam di kalangan masyarakat Melayu berpunca daripada kurangnya asuhan pelajaran agama Islam yang sejati dari semenjak kecil hinggalah bersuami dan sampai mati.²⁵

Tok Kenali, misalnya pernah menyatakan bahawa salah satu sebab berkembang biaknya pelacuran kerana tiada didikan ibu bapa sewaktu anak-anak masih kecil.²⁶ Ketiadaan didikan ini mungkin berpunca daripada kejahilan ibu bapa itu sendiri tentang kepentingan memberi pelajaran agama dan moral kepada anak-anak. Selain itu di pihak ibu bapa dan sanak saudara yang memelihara anak-anak itu pun tidak pula mengerti atau mengetahui dengan sebenarnya akan pelajaran agama Islam itu yang mana wajib diajarkannya atau ditanamkannya ke dalam hati anak-anak itu (laki-laki atau perempuan) dari masa kecilnya supaya memperkukuhkan pegangan dan kepercayaan anak-anak itu kepada agamanya. Dalam erti kata yang lain mereka sendiri jahil tentang pelajaran agama.²⁷

²⁵ "Sebab Menjadi Jahat", Majalah Guru, Tahun 7, April 1930, hlm. 78. Hasil temubual penulis dengan Mufti Kerajaan Kelantan, Dato' Haji Hasbullah bin Mohd. Hassan (1/7/90 hingga sekarang). Beliau menyatakan bahawa punca berlakunya maksiat daripada dahulu hingga kini kerana beberapa perkara antaranya kekurangan ilmu agama dan iman, sifat perempuan yang sangat menuju kepada kebendaan serta pengaruh alam sekitar.

²⁶ Tok Kenali, op.cit., hlm. 5.

²⁷ Ibid.

Berlandaskan keadaan di atas adalah tidak menghairankan jika seseorang kanak-kanak Melayu hanya menerima ajaran Islam yang agak ringkas seperti mengaji al-Quran, sembahyang, puasa dan sebagainya. Menurut rencana *Majalah Guru*;

Selain daripada babi haram, tuak haram ini haram itu haram, itu makruh ini sunat, rukun Islam, rukun Iman. Ini jika dibuat dapat pahala, itu jika dikerjakan berdosa yang tidak sekali-kali mengerti anak-anak itu akan maksud sekalian yang dibacanya itu, hanya semata-mata lancar di mulut sahaja tetapi tidak mendatangkan takut di hati mereka melanggar hukum-hukum yang telah dibacanya itu seolah-olah seperti peti mengaji sahaja.²⁸

Pendidikan agama yang agak ringkas menyebabkan semangat sayangkan Islam serta ajaran moral yang berlatarbelakangkan agama tidak mengisi jiwa kanak-kanak itu baik yang lelaki atau pun yang perempuan. Tidak ada suatu pun dari semangat atau jiwa keislaman yang menjadi penghalang kepada perempuan-perempuan itu daripada melacur. Dengan kata lain keimanan yang disemai ke dalam jiwa perempuan-perempuan itu begitu tipis, tidak kuat dan lemah. Oleh itu bila menghadapi masalah hidup, mereka mudah putus harapan, mereka tidak tahu menyelesaikannya dengan jalan yang diredhai Allah. Untuk melepaskan diri daripada jiwa yang sakit ini mereka sanggup melakukan apa saja untuk mengubat hati yang luka dan memuaskan hatinya. Dengan lain perkataan mereka sanggup melanggar norma-norma atau nilai-nilai moral. Walaupun mungkin ada rasa bahawa perbuatan itu salah dari segi agama, perasaan itu tidak sebegitu kuat hingga dapat menjadi penghalang kepada maksud masing-masing.

²⁸ "Sebab Menjadi Jahat", *op.cit.*, hlm. 78.

Selain itu keadaan hidup kebanyakan orang-orang Melayu pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua ialah mereka banyak membuang masa dengan perkara yang sia-sia dan terpesong dengan kepercayaan yang bodoh serta karut marut. Za'ba pendita Melayu yang terkenal itu, misalnya menyatakan kebanyakan orang-orang muda banyak menghabiskan masa dengan sia-sia seperti terlalu menurut kehendak nafsu seks, boros berbelanja dan tidak memikirkan masa depan. Sementara orang tua pula terpesong dengan kepercayaan karut-marut seperti mempercayai kepada kuasa ghaib iaitu mempercayai hantu, syaitan, jin dan pelesit.²⁹

Keadaan di atas juga turut berlaku di dalam masyarakat Kelantan. Menurut sebuah rencana, kefasikan terbesar di kalangan orang Kelantan ialah perjudian. Kelekaan ini menyebabkan mereka lupa mengerjakan sembahyang dan berlakunya pencerobohan ke atas wanita.³⁰

Keinginan mendapat kehidupan yang senang

Pada umumnya pelacuran walaupun berkaitan dengan perceraian dan keruntuhan moral, namun tidak kurang juga yang melacur kerana keinginan untuk mendapat kehidupan yang senang dengan jalan yang mudah. Pelacuran merupakan jalan senang untuk memperolehi sumber pendapatan tanpa bekerja keras.

Atas dasar tersebut terdapat yang menjadikan alasan “mencari makan” sebagai sebab untuk melacur. Ini menjadi pekerjaan tetap mereka misalnya Selamah

²⁹ Lihat “Pemandangan Mengenai Orang Melayu”, dalam Surat Persendirian Za'ba, SP18/3B/10, hlm. 3.

³⁰ Lihat Abdullah bin Mohamed (Nakula), “Akademi Seni Tengku Temenggung : Satu Aspek dari Sejarah Sosial Kelantan 1897-1935”, dalam Warisan Kelantan x, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1991, hlm. 59.

binti Awang Panjang³¹ yang berasal dari Bachok. Menurut Selamah beliau tidak mempunyai apa-apa pekerjaan dan untuk menampung kehidupannya beliau menjadi pelacur. Menurutny lagi beliau tidak memilih pelanggan iaitu beliau “bermain” dengan Cina dan Melayu serta sesiapa sahaja janji memperolehi pendapatan. Beliau juga mengakui telah “bujang” lebih kurang setahun setengah.

Wan Lijah binti Wan Sulaiman,³² dari Kampung Tengku Besar pula menyatakan,

Hamba ini asalnya hamba duduk di dalam Kampung Tengku Besar kemudian itu hamba tubit (keluar) kampung Tengku Besar itu hamba duduk tidak tentu sebab hamba ini orang bujang. Maka pekerjaan hamba ini hamba tidak boleh royat (beritahu) sebab orang semua tahu. Sebab yang majlis panggil ini tentulah majlis ada tahu pekerjaan hamba.³³

Wan Lijah tidak memberitahu pekerjaan beliau, namun begitu dari kiasannya yang menyatakan “...orang semua tahu dan majlis ada tahu...” membuktikan bahawa beliau menjadi pelacur. Ini diperkuatkan lagi dengan dakwaannya yang menyatakan bahawa beliau berstatus bujang dan tidak mempunyai tempat tinggal tetap. Berdasarkan kenyataan tersebut, Wan Lijah telah menjadikan pelacuran sebagai pekerjaannya.

³¹ Lihat kenyataan Selamah binti Awang Panjang. Katanya, “Saya duduk di Bachok. Saya turun ke Kota Bharu enam hari. Saya bujang lebih kurang setahun setengah. Saya tidak ada kerja pada masa ini hanyalah siapa-siapa yang berkehendak kepada saya itulah orang memberi wang kepada saya dan yang selalu bermain dengan Cina dan Melayu.” Lihat, MAIK, 125/21, *op.cit.*, hlm. 5.

³² Lihat, MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 1.

³³ Kenyataan Wan Lijah binti Wan Sulaiman.

Bidang pelacuran juga turut menjadi pekerjaan bagi beberapa orang wanita lain. Antaranya ialah Patimah binti Umar, Mek Som binti Bakar, Mek Wok binti Dollah, Mek Wa binti Ibrahim, Zainab binti Awang Noh, Esah binti Mat Salleh dan Mek Som binti Mat Ali.³⁴

Terdapat juga di kalangan pelacur yang mengaku mereka melacurkan diri dengan disimpan oleh orang-orang tertentu. Ini bermakna mereka menjadi pelacur sepenuh masa kepada pelanggannya. Siti Hawa binti Musa dan Lijah binti Che Soh misalnya menyatakan mereka tidak mempunyai pekerjaan sebaliknya disimpan oleh orang tertentu. Siti Hawa binti Musa,³⁵ misalnya disimpan oleh Dr. Lim dan beliau diberi sebanyak \$50.00 sebulan.

Sementara Lijah binti Che Soh,³⁶ pula disimpan oleh Master Kila Singh kerani 'post office' dan beliau diberi sebanyak \$30.00 sebulan. Menurut Lijah binti Che Soh,

Saya duduk di Lorong Temenggung. Saya bujang tiga bulan lima belas hari. Saya tiada pekerjaan satu. Saya sekarang disimpan oleh Master Kila Singh kerani 'post office'. Saya duduk cara orang berlaki bini dengan dia sudah tiga bulan. Waktu saya hendak bercerai dengan Tok laki saya pinjam master ini \$50.00 dan bayar balik kepada Deris itu. Saya bermain dengan master lebih kurang sepuluh hari. Masa ini saya tidak bermain dengan siapa-siapa lain. Saya ugama Islam dan saya tahu berkendak dengan master itu salah dan berdosa. Saya duduk dengan master ini sebab saya berkenan akan dia.

³⁴ Sila lihat kenyataan mereka di lampiran (4.1).

³⁵ Lihat kenyataan ialah Siti Hawa binti Musa. Katanya, "Saya tinggal di Kota Bharu. Saya tak dak kerja apa-apa sekarang saya disimpan oleh Doktor Lim dia beri \$50 sebulan kepada saya. Saya duduk dengan dia sahaja lain orang tidak." Lihat, MAIK, 125/21, *op.cit.*, hlm. 5.

³⁶ *Ibid.*, hlm. 7.

Dia tanggung saya makanan dan kain baju dan lain daripada itu saya diberi \$30.00 sebulan. Saya tidak ada apa-apa pada janji dengan master pada tentang nikah kahwin.³⁷

Berdasarkan kenyataan Lijah di atas ternyata beliau melacur semenjak masih di dalam edah. Ini kerana beliau tidak mempunyai tempat tinggal setelah diceraikan. Selain itu beliau telah berhutang dengan pelanggannya. Beliau menyedari bahawa perbuatan yang dilakukannya merupakan satu dosa namun segala kemudahan yang diperolehinya telah melenyapkan perasaan tersebut. Antara kemudahan yang dinikmatinya ialah memperolehi pendapatan bulanan serta ditanggung segala keperluan seperti makanan dan pakaian. Selain itu beliau juga menyukai pasangannya walaupun tidak ada sebarang persetujuan untuk berkahwin.

Selamah binti Deraman,³⁸ pula menyatakan bahawa beliau bekerja sebagai tukang jahit, tetapi dalam masa yang sama menjadi simpanan kepada Encik Wuk bin Encik Leh dengan diberi sebanyak \$10 atau \$15 sebulan. Bagi Emas binti Pak Chek' dan Aminah binti Jabar juga mengakui perkara yang sama iaitu mereka juga diberi perbelanjaan. Emas binti Pak Chek',³⁹ misalnya menyatakan bahawa beliau "bermain tetap" dengan mata-mata (polis) dengan diberi \$38.00. Begitu juga dengan Aminah binti

³⁷ Kenyataan Lijah binti Che Soh.

³⁸ Lihat kenyataan, Selamah binti Deraman. MAIK, 125/21, op.cit., hlm. 6.

³⁹ Kenyataan Emas binti Pak Chek' boleh dilihat di dalam fail MAIK, 125/21, op.cit., hlm. 3.

Jabar,⁴⁰ beliau lebih kurang dua tahun “bermain” dengan Cina tukang kayu dengan diberi \$40.00 sebulan.

Daripada kenyataan kelima-lima pelacur ini jelas menunjukkan mereka disimpan dan diberi bayaran. Selain itu juga keperluan mereka seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal disediakan atau ditanggung.

Kelima-lima pelacur tersebut adalah sebahagian daripada perempuan simpanan yang jumlah keseluruhannya adalah sebanyak sebelas kes atau lebih kurang 16.7 peratus daripada enam puluh enam kes dakwaan MAIK.⁴¹ Sepuluh orang daripada pelacur simpanan ini tidak melakukan apa-apa pekerjaan, hanya seorang sahaja yang bekerja sebagai tukang jahit iaitu Selamah binti Deraman. Ini bermakna mereka mempunyai sumber pendapatan tetap dan tanpa perlu berpenat lelah bekerja. Jadual berikut menunjukkan pendapatan bulanan yang diterima oleh pelacur simpanan ini.

⁴⁰ Penulis tidak mengetahui nama pelacur ini kerana tulisan tidak jelas. Nama Aminah binti Jabar adalah nama yang diberikan oleh penulis untuk memudahkan rujukan. Menurut pelacur ini, “Saya duduk di Bachok. Saya turun ke Kota Bharu lebih kurang dua bulan. Saya sekarang duduk bermain dengan orang cina di gudang Tengku Putra Semerak (Cina tukang kayu) dan dia beri \$40 sebulan kepada saya. Saya bermain dengannya sudah lama iaitu lebih kurang dua tahun. Di Bachok saya duduk rumah sewa dengan Cina itu seperti laki bini. Saya bermain dengan Cina itu lepas bercerai dengan laki saya”. Lihat MAIK, 125/21, *op.cit.*, hlm. 6.

⁴¹ Rujuk kenyataan Mek binti Mamat, Che Embun binti Husin, Mariam binti Awang, Mek Tak binti Awang Kechik, Emas binti Pak Chek’, Emas Molek binti Pak Wil, Siti Hawa binti Musa, Minah binti Mamat, Aminah binti Jabar, Selamah binti Deraman, dan Lijah binti Che Soh. Sila lihat lampiran (4.1).

Jadual (4.2)
Pendapatan bulanan pelacur simpanan.⁴²

Nama	Pendapatan bulanan
Mek binti Mamat	\$3.00
Mek Tak binti Awang Kechik	4.00
Emas binti Pak Chek'	38.00
Siti Hawa binti Musa	50.00
Aminah binti Jabar	40.00
Selamah binti Deraman	10.00 atau 15.00
Lijah binti Che Soh	30.00

Jadual (4.2) menunjukkan pendapatan bulanan yang diterima oleh pelacur simpanan. Pendapatan paling tinggi diterima oleh Siti Hawa binti Musa. Beliau telah dibayar sebanyak lima puluh ringgit sebulan oleh Doktor Lim pada tahun 1921.⁴³ Pendapatan yang paling rendah pula diterima oleh Mek binti Mamat. Beliau hanya dibayar tiga ringgit sahaja oleh Encik Ali pada tahun 1916.⁴⁴ Lain-lain pelacur iaitu Mek Tak binti Awang Kechik menerima sebanyak empat ringgit, Emas binti Pak Chek' menerima sebanyak tiga puluh lapan ringgit, Aminah binti Jabar menerima sebanyak empat puluh ringgit, Selamah binti Deraman menerima sebanyak sepuluh atau lima belas ringgit dan Lijah binti Che Soh menerima sebanyak tiga puluh ringgit.⁴⁵

Selain itu terdapat juga di kalangan pelacur mengakui bahawa mereka telah "bermain" dengan orang-orang tertentu namun tidak pula menyebut tentang

⁴² Jadual (4.2) di atas disediakan oleh penulis berdasarkan analisa ke atas enam puluh enam orang pelacur yang telah ditangkap oleh pihak MAIK. Sila lihat lampiran (4.1).

⁴³ Lihat MAIK, 125/21, *op.cit.*, hlm. 5. Lihat juga kenyataan Siti Hawa binti Musa di lampiran (4.1).

⁴⁴ Lihat MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 8. Lihat juga kenyataan Mek binti Mamat di lampiran (4.1).

⁴⁵ Lihat kenyataan Mek Tak binti Awang Kechik, Emas binti Pak Chek', Aminah binti Jabar, Selamah binti Deraman dan Lijah binti Che Soh di lampiran (4.1).

pendapatan yang diperolehi sebaliknya menyatakan yang mereka ditanggung makan dan akan berkahwin dengan pasangannya.⁴⁶

Kemiskinan

Menurut Syed Husin Ali, kemiskinan dapat dirumuskan sebagai, wujud kekurangan mendapatkan keperluan asasi iaitu makanan, perumahan serta pakaian dan kemudahan-kemudahan sosial seperti air, api, hospital serta sekolah; dari segi ekonomi keadaan ini timbul sebab ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah; dari segi sosial golongan yang dikatakan miskin itu menduduki lapisan bawah dalam sistem susun lapis masyarakat.⁴⁷

Kemiskinan orang Melayu pada kaca mata Za'ba, merangkumi serba-serbi yang mengelilingi mereka iaitu miskin pada wang ringgit dan harta, hikmah dan cita-cita, pelajaran dan latihan pengetahuan serta alat-alat kelengkapan otak dan beberapa sifat-sifat keperangaian yang tinggi dan mulia.⁴⁸

Menurut Ruslan Khatib,⁴⁹ kemiskinanlah yang menjadi sebab dasar berlakunya pelacuran dalam masyarakat Melayu pada semua peringkat. Pendapat ini dipersetujui oleh Shaik Mohamed,⁵⁰ yang mengatakan kemiskinan merupakan satu punca

⁴⁶ Lihat kenyataan Che Embun binti Husin, Mariam binti Awang dan Emas Molek binti Pak Wil di lampiran (4.1).

⁴⁷ Lihat, Syed Husin Ali, Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan, Karang kraf Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1978, hlm. 5.

⁴⁸ Lihat, "Pemandangan Mengenai Orang Melayu", op.cit., hlm. 1.

⁴⁹ Ruslan Khatib, "Pelachoran Melayu di Kuala Lumpur", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 67.

⁵⁰ Shaik Mohamed Mohd. Sahed, op.cit., hlm. 17.

utama pelacuran di kalangan wanita. Kebanyakan daripada mereka ini adalah terdesak oleh kesempitan hidup dan kerana kebanyakan daripadanya tidak berpelajaran maka jalan yang paling mudah sekali ialah dengan cara menjualkan tubuh mereka. Menurut beliau lagi, kemiskinan yang dialami oleh orang tua atau ibu bapa akan membuatkan seseorang anak itu sanggup melakukan perkara-perkara yang tidak diingini atau tidak seharusnya dilakukan.

Berdasarkan enam puluh enam kes dakwaan MAIK, tiada seorang pun di kalangan pelacur yang mengatakan mereka melacur kerana kesempitan atau kemiskinan. Namun setelah dianalisa dan diteliti mengenai definisi kemiskinan,⁵¹ maka kemiskinan dapat diterima sebagai salah satu faktor yang menyebabkan perempuan-perempuan tersebut melacur.

Sebelum Perang Dunia Kedua, Kelantan sering menghadapi masalah kewangan. Pada tahun 1911, 1914, 1920, 1927 dan 1931 misalnya Kelantan mengalami defisit dalam belanjawan.⁵² Keadaan ini menyebabkan pembangunan negeri Kelantan terbantut. Peluang-peluang pekerjaan juga sangat berkurangan, di kampung-kampung misalnya kebanyakan penduduknya terpaksa bergantung kepada aktiviti ekonomi saradiri seperti pertanian dan perikanan. Sedangkan kedua-dua kegiatan ini tidak menghasilkan keuntungan lumayan. Dengan kata lain penatnya tidak setimpal dengan pendapatan yang diterima. Terdapat segelintir yang keluar dari kampung halaman menuju ke bandar-bandar mencari pekerjaan. Namun begitu di tempat baru peluang pekerjaan agak terhad. Sedangkan kebanyakan daripadanya tidak mempunyai

⁵¹ Sila lihat definisi kemiskinan di halaman 135 dalam bab keempat.

⁵² Sila lihat Jadual pendapatan dan perbelanjaan Kelantan di halaman 19 dalam bab satu.

pelajaran. Keadaan ini menjadi dilema kepada perempuan-perempuan yang berstatus janda ini. Salah satu pekerjaan yang mampu dilakukan ialah melalui jalan melacur.

Ini sebagaimana dinyatakan oleh Mak Tanjong (bukan nama sebenar).⁵³ Menurut Mak Tanjong beliau tidak pernah terfikir untuk menjadi pelacur, namun desakan hidup memaksa beliau menceburi lapangan berkenaan. Beliau tidak mempunyai tempat tinggal tetap kerana tidak mampu membayar sewa. Menurut beliau zaman tersebut pendapatan sukar diperolehi kerana peluang pekerjaan terhad. Satu-satunya pekerjaan yang boleh menampung hidupnya ialah dengan menjadi pelacur. Walaupun terdesak di peringkat awal, namun lama kelamaan beliau merasa seronok dengan pekerjaan tersebut. Menurut beliau pekerjaan tersebut bukanlah memenatkan sangat sedangkan pendapatannya agak lumayan (Sebelum Perang Dunia Kedua). Pengalaman pertama menjadi pelacur beliau diberi \$1.00. Menurut beliau dengan wang sebanyak itu pelbagai dapat dibeli, harga secawan kopi misalnya hanyalah lima sen, nasi lemak sepuluh sen dapat membeli rokok cap kapal layar. Bakinya dapat dibeli bedak dan lipstik. Menurut beliau lagi berbulan-bulan beliau masih mengenangi pemberian pelanggan tersebut.

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini sebahagian besar pelacur telah pernah berkahwin. Setelah menjadi janda samada menerusi perceraian atau kematian terpaksa mereka menghadapi kenyataan hidup yang penuh dengan berbagai

⁵³ Hasil temubual penulis dengan Mak Tanjong pada 23hb. November 1996. Nama dan tempat terpaksa dirahsiakan atas sebab-sebab peribadi. Beliau berasal dari Kedah. Kedua-dua ibu bapanya telah meninggal semenjak beliau masih kecil. Semasa berusia tujuh tahun beliau bersama-sama abangnya merantau ke Kota Bharu. Di sana beliau mengikuti abangnya bermain dikir barat. Nasib beliau bertambah malang apabila abangnya meninggal dunia. Untuk meneruskan kehidupannya beliau menari ronggeng. Beliau telah tiga kali berkahwin tetapi kesemuanya menemui kegagalan. Akhirnya beliau dipelihara oleh seorang barua.

desakan yang memerlukan wang. Di kampung mereka hanya dapat bekerja pada masa-masa yang tertentu seperti pada musim menanam atau menuai padi sedangkan wang diperlukan setiap masa. Pekerjaan pula tidak banyak mendatangkan hasil walaupun banyak tenaga yang digunakan. Di samping itu sebagai janda mereka mengalami suatu perasaan rendah diri yang menghadkan pergaulan mereka di dalam masyarakat kampung mereka sendiri. Jadi terpaksa mereka mencari pekerjaan di bandar.

Suasana di tempat baru dan kesukaran mendapatkan pekerjaan mendorong mereka memilih pelacuran sebagai pekerjaan. Ini boleh dilihat melalui kenyataan Selamah binti Awang Panjang,⁵⁴ yang berasal dari Bachok. Beliau terpaksa ke Kota Bharu kerana tiada sebarang pekerjaan yang boleh dilakukannya di Bachok setelah lebih setahun setengah “bujang”. Di sana beliau terpaksa melacur untuk menyara kehidupannya.

Selain itu ditinggalkan oleh suami dirantau menyebabkan mereka kehilangan arah. Gambaran ini dinyatakan oleh Che Zainab binti Che Leh,⁵⁵

Saya ini peranakan Terengganu saya mari dengan laki saya ke Kelantan lebih kurang enam tahun kemudian saya balik pula ke Terengganu dengan laki saya duduk di Terengganu sebulan begitu lalu lagi saya pun ajak mari ke Kelantan pula duduk di dalam masa lima bulan lalu saya bercerai dengan laki saya. Kemudian saya duduk di dalam Kampung Tengku Seri Maharaja di rumah Encik Mat Ali dua bulan begitu. Lalu saya sewa gudang Syed Sin kerana mengambil upah menjahit kain baju kerana nafkah saya tiap hari. Saya tidak menjalankan pekerjaan yang ditegah

⁵⁴ Lihat MAIK, 125/21, *op.cit.*, hlm. 5.

⁵⁵ Lihat MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 5.

oleh syara'. Saya ini bukan hajat kekal di Kelantan hanyalah kerana menanti anak saudara saya jawab surat saya yang dikirim kepadanya dari Terengganu.⁵⁶

Gambaran yang sama turut dinyatakan oleh Che Jah binti Che Ibrahim.⁵⁷ Beliau ingin mencari perlindungan setelah bercerai dengan suami. Di tempat baru beliau telah berkahwin, tapi malangnya menerima nasib yang sama iaitu diceraikan. Beliau kehilangan arah kerana tiada tempat bergantung. Gambaran ini dijelaskan di dalam petikan di bawah,

Saya ini orang Terengganu duduk di Kampung Panglima Dalam Kemumin. Saya bercerai dengan laki saya di Terengganu lebih kurang sebulan lalu saya mari ke Kelantan kerana saya lari kepada laki saya hendak balik kepada saya. Saya mari di Kelantan duduk di rumah Nik Mud bin Haji Nik Din kemudian saya jadi isteri Encik Mat Ali kemudian bercerai dengan Encik Mat Ali itu hingga sampai sekarang saya dalam keadaan bujang. Sekarang saya duduk di rumah sewa Syed Sin maka ketuduhan saya ini di dalam bilangan orang jahat itu saya tidak sekali. Saya jika ada janji taubat malam Khamis 16 Jamidul Awal 1338 ini saya hendak berkahwin dengan Husin. Mengakulah saya kemudian daripada tarikh surat ini jika saya melakukan perbuatan jahat bagaimana ditegah oleh Majlis Agama mengikutlah saya apa-apa hukuman majlis di atas saya serta saya menurun tandatangan di bawah ini.⁵⁸

Berdasarkan kenyataan di atas, kedua-dua pelacur berasal dari Terengganu dan mereka telah merantau ke Kelantan. Kedua-duanya tidak mempunyai suami . Che

⁵⁶ Kenyataan Che Zainab binti Che Leh.

⁵⁷ Lihat MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 4.

⁵⁸ Kenyataan Che Jah binti Ibrahim.

Zainab misalnya telah bercerai dengan suaminya di Kelantan dan keadaan ini menyebabkan beliau kehilangan arah kerana tiada tempat berlindung. Beliau menafikan tentang kegiatannya sebagai pelacur dengan mengatakan bahawa beliau bekerja sebagai tukang jahit. Selain itu beliau turut menyatakan keinginannya untuk pulang ke Kampung halamannya di Terengganu. Berbeza pula dengan rakan senegerinya iaitu Che Jah; Che Jah walaupun berkali diceraikan namun beliau tidak serik untuk berkahwin lain. Namun begitu apa yang jelas daripada kenyataan kedua-dua pelacur ini menunjukkan bahawa mereka melacur kerana ketiadaan tempat bergantung setelah ditinggalkan dirantau.

Selain itu juga terdapat perempuan yang melacur kerana terdesak disebabkan berhutang. Che Wa binti Hamat,⁵⁹ yang berasal dari Kampung Tanjung Chat menggambarkan situasi tersebut,

Saya ini asalnya duduk Kampung Tanjung Chat
Kemudian lalu saya berhutang kepada Tengku
Busu lebih kurang lima tahun dengan tarikh ini.
Kemudian saya berlaki dengan seorang nama
Encik Mat Zin mata-mata lebih kurang tiga tahun
hingga hari ini pun di dalam edah. Saya tidak
melaku perkara yang ditegah oleh Majlis Agama
dan tidak pernah saya berjalan malam melainkan
Tengku Busu sudah pergi ke mana sahaja. Men-
gakulah saya tidak melakukan perbuatan yang
ditegah oleh Majlis Agama Islam kemudian hari
daripada tarikh surat ini samada saya sendiri
atau saya tolong jadi perempuan kepada laki
(barua) dan jika didapati saya laku perbuatan
yang tersebut itu tanggunglah saya apa hukuman
majlis ke atas saya.⁶⁰

⁵⁹ Lihat MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 15.

⁶⁰ Kenyataan Che Wa binti Hamat.

Berdasarkan kenyataan Che Wa dapat difahami bahawa beliau melacur kerana hutang. Beliau telah berhutang dengan Tengku Busu semenjak lima tahun yang lalu. Dalam usaha melangsaikan hutang tersebut beliau menjadi perempuan simpanan Tengku Busu.

Daripada kenyataan di atas, dapat difahami bahawa mereka melacur kerana kemiskinan. Mereka tidak mempunyai sebarang pekerjaan yang boleh menghasilkan pendapatan. Justeru itu mereka gagal menyediakan tempat tinggal. Lebih malang lagi apabila terpaksa pula membayar hutang. Selain itu ditinggalkan dirantau menyebabkan mereka kehilangan tempat pergantungan. Ketidakmampuan untuk menyediakan keperluan asasi seperti tempat tinggal merupakan salah satu daripada ciri kemiskinan.

Terpedaya

Selain faktor-faktor yang dinyatakan di atas terdapat juga perempuan yang melacur kerana terpedaya dengan janji manis oleh orang yang ingin mengambil kesempatan. Kata sebuah rencana,

Tiap-tiap seorang perempuan kuat imannya boleh tahan dengan kuat segala serangan-serangannya. Namun perempuan-perempuan itu memang bersifat lemah lembut. Apakala sudah kena umpan “wang” atau lain-lain barang pakaian itu dengan beberapa lama itu, maka jaranglah (bukan semua) sangat yang terlucut daripada mata. Campak sepuluh tak dapat campak dua puluh tak dapat akhirnya sekali tertawallah siapa yang bersifat lemah melainkan perempuan itu sedar perkara-perkara yang akan jadi ke atas dirinya kelak.⁶¹

⁶¹ Lihat, “Siapakah yang Menyampaikan Dia Menjadi Jalang,” dalam al-Hikmah, Bil. 298, Tahun 7, 30/5/40, hlm. 16.

Sesetengah perempuan memang cepat terpedaya dengan pujuk rayu dan harta benda. Kelemahan ini diambil kesempatan oleh orang yang berkepentingan untuk memerangkap. Seterusnya mereka akan dijadikan alat untuk memuaskan nafsu, dan apabila telah jemu mereka akan ditinggalkan. Menurut sebuah rencana,

...apabila nafsu jantan sudah puas mas perak habis digadaikan, semua wang habis dibelanjakan, muka yang merah menjadi pucat, pipi yang tegang menjadi kendur, pendek kata bunga sudah layu dan jantan akan mencari pelbagai jalan untuk tunjang keluar daripada tanggung jawab.⁶²

Terpedaya oleh ajakan kenalan atau kawan-kawan merupakan salah satu sebab terdorongnya perempuan ini ke lembah pelacuran. Patimah binti Ismail,⁶³ dari Kampung Berangan menyatakan,

Saya pergi ke Tumpat sekali Jumaat, tumpang duduk di rumah mak saudara saya nama Mek Jah. Malam kemarin saya pergi ke kedai kopi kerana hendak minum kopi, bila habis saya minum kopi Cina kedai kopi tutup pintu tidak benar saya keluar (China Ah Seng) kerana nak berjahat dengan saya. Saya minum kopi itu di bawah, di bawah ini tak dak orang lain saya berdua dengan Cina ini sahaja saya seboleh-bolehnya tak mahu berjahat dengan dia. Saya masuk dengan perempuan Mek Teh janda. Mek Teh kecek (pujuk) bawa saya ke situ. Saya masuk lebih kurang pukul sepuluh kemudian Mek Teh kata nanti di sini

⁶² Ibid.

⁶³ Lihat MAIK, 325/21, op.cit., hlm. 11.

sekejap. Bila dia keluar Cina katuk (tutup) pintu selalu. Dalam hal berbalah saya nak keluar itu sejam agaknya dalam berpeluk-peluk orang datang hendak tangkap Cina itu suruh saya keluar ikut pintu belakang. Tubit (keluar) mata-mata pegang selalu. Saya tak rajin berjahat dan saya berani tak mahu berjahat dan mahu jadi orang baik.⁶⁴

Daripada kenyataan pelacur ini, beliau tertipu dengan muslihat Mek Teh yang mengajaknya ke kedai kopi untuk minum. Mek Teh mungkin telah pun membuat rancangan dengan lelaki Cina tersebut. Ini terbukti apabila sesampainya beliau di sana Mek Teh telah meninggalkan beliau seorang diri dan lelaki Cina tersebut pula cuba “berbuat jahat” ke atasnya.

Selain sebab-sebab yang telah dinyatakan, terdapat di kalangan pelacur yang menafikan dan mereka mengemukakan pelbagai alasan. Antara alasan tersebut seperti mereka membuat pekerjaan orang-orang tertentu. Munah binti Senik,⁶⁵ dari Kampung Tengku Seri Maharaja misalnya menyatakan beliau tidak pernah “membuat jahat” sebaliknya beliau bekerja mengambil upah di rumah Tengku Seri Maharaja. Beliau juga mengaku ditanggung oleh Tengku Seri Maharaja. Menurutnya lagi beliau sering ke rumah Mak Som Bongkok, namun beliau ke tempat tersebut untuk mengutip duit kain daripada seorang bernama Munah.⁶⁶

⁶⁴ Kenyataan Patimah binti Ismail.

⁶⁵ Lihat kenyataan Munah binti Senik. MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 2. Lihat juga kenyataan Zainab binti Lembek, Minah binti Senik dan Aishah binti Musa di lampiran (4.1).

⁶⁶ Mengutip duit kain hanyalah alasan pelacur ini sahaja kerana Mak Som Bongkok adalah seorang barua (ibu ayam) yang masyhur dan beliau pernah dipanggil oleh pihak MAIK berkenaan pekerjaannya menjadi barua pada tahun 1916. Lihat fail MAIK, 135/16.

Terdapat juga di kalangan pelacur menyatakan mereka ke Kota Bharu kerana beberapa sebab. Antaranya untuk membeli-belah, belum pernah ke sana dan melawat anak atau saudara-mara serta kenalan. Membunga binti Pak Man,⁶⁷ dari Kampung Gong Kapas misalnya menyatakan beliau ke Kota Bharu kerana hendak membeli barang-barang makanan. Sementara Kalsom binti Senik,⁶⁸ dari kampung Bachok pula menyatakan beliau turun dari Bachok ke Kota Bharu kerana hendak melihat Kota Bharu, ini disebabkan beliau belum pernah lagi ke sana. Beliau juga mengakui mengenali beberapa orang kawan di Kota Bharu. Berjumpa atau melawat saudara juga dijadikan alasan, misalnya Selamah binti Jenal,⁶⁹ menyatakan beliau ke Kota Bharu kerana berjumpa (melawat) saudaranya yang bernama Seman. Menurutnya lagi beliau “puas” berada di rumahnya kerana beliau “bujang”.

Tuan Yam binti Tuan Sulong, Munah binti Deris dan Munah binti Ahmad pula menjadikan alasan ke tempat hiburan iaitu “menengok orang bermain menora”.⁷⁰

⁶⁷ Lihat kenyataan Membunga binti Pak Man. Katanya, “Hamba ini baharu sahaja bercerai dengan laki hamba nama mata-mata Mat lebih kurang dua puluh hari lepas dengan bicara ini hamba tidak pergi semata-mata hanyalah duduk di rumah hamba itu ada juga hamba cari ke Kota Bharu ini kerana membeli barang-barang makanan. Hamba ini tidak pernah melakukan jahat akan tetapi pasal berjalan malam itu jarang-jarang ada juga berjalan tetapi tidak membuat jahat apa-apa. Hamba berani bersumpah tidak pernah membuat jahat. Makanan hamba di dalam sehari ini hamba mengambil upah membeli dan lain-lainnya.” Lihat MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 2.

⁶⁸ Kalsom binti Senik pula menyatakan, “Saya duduk di Bachok ada pekerjaan membuat padi. Saya bujang baru bercerai dengan laki saya nama Encik Senik anak Mat Ali Patani lebih kurang tiga bulan sepuluh hari dengan sekarang. Saya turun ke Kota Bharu lebih kurang sepuluh hari. Saya duduk tidak tentu di Kota Bharu ini saya ada kenal Bidah ini dia jadi sepupu dengan saya. Saya turun dari Bachok bersama-sama dengan bidah itu. Saya turun ke Kota Bharu kerana hendak beli kain. Saya duduk di Kota Bharu ini niat tidak kekal hendak balik segera di dalam masa sehari dua ini ke Bachok. Saya duduk di Kota Bharu ini ada puas.” Lihat MAIK, 175/19, “Berkenaan dengan nasihat dan ajaran kepada perempuan jahat,” hlm. 2.

⁶⁹ Lihat MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 6. Lihat juga halaman 125 di dalam bab keempat.

⁷⁰ Lihat kenyataan ketiga-tiga pelacur ini di dalam lampiran (4.1). Lihat juga MAIK, 43/17, *op.cit.*, hlm. 53, 54 dan 55.

Mereka terpaksa bermalam di bangsal yang disewa oleh Mek Boo kerana selepas menonton menora hari telah lewat malam. Ketiga-tiga pelacur ini mengakui mengenali Mek Boo.⁷¹

Selain itu terdapat pelacur yang menjadikan masalah kesihatan sebagai alasan untuk mengelakkan dari tuduhan melacur. Ini dapat dilihat di dalam kenyataan Putih binti Hitam. Menurut beliau ;

Sekarang hamba duduk di Tumpat. Hamba ini duduk di Kota Bharu kemudian ada lebih lima hari dahulu hamba pergi duduk di Tumpat kerana hamba hendak berubat sakit di rumah Che Minah. Hamba ini daripada muda hingga sekarang bujang. Hamba ini tak membuat pekerjaan suatu akan tetapi mak hamba yang menanggung makan (mak hamba nama Hitam). Hamba ini betullah orang-orang kata hamba menjual diri sebab hamba tiada laki. Hamba hendak berlaki pun orang tiada mahu sebab itulah yang jadi bujang selama ini.⁷²

Berdasarkan kenyataan di atas Putih menjadikan sebab sakit sebagai faktor yang mendorong beliau ke Tumpat. Beliau juga menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai sebarang pekerjaan dan yang menanggung kehidupannya ialah ibunya. Selain itu beliau juga menyalahkan status dirinya yang “bujang” sebagai penyebab kepada tuduhan masyarakat bahawa beliau mencari makan dengan melacurkan diri.

⁷¹ Mek Boo ialah seorang barua (ibu ayam), beliau tinggal di Kota Bharu, dan di bawah jagaannya ada beberapa orang pelacur. Beliau akan membawa pelacur ini dari Kota Bharu ke Tumpat untuk mencari pelanggan. Di Tumpat beliau menyewa sebuah bangsal di kawasan ketek (rumah ibadat Buddha), untuk kegunaan dan dijadikan tempat pelacuran. Lihat berkenaan Mek Boo di halaman 66 dalam bab kedua dan halaman 110-111 dalam bab ketiga. Lihat juga lampiran (3.7).

⁷² Kenyataan Putih binti Hitam. Sila lihat MAIK, 135/16, *op.cit.*, hlm. 1

Walaupun pelbagai alasan dikemukakan untuk menafikan kegiatan mereka, namun berdasarkan beberapa perkara dapat dibuktikan bahawa mereka melacur. Pertama mereka mengaitkan nama orang-orang tertentu semasa memberikan kenyataan. Misalnya mereka mengatakan tinggal dan bekerja dengan Hitam, di Lorong Tengku Putera Semerak, di rumah Mak Som di Lorong Tengku Temenggung serta mengenali perempuan yang bernama Mek Boo.⁷³ Nama-nama yang dikaitkan adalah merupakan barua (ibu/bapa ayam) yang masyhur. Mak Som misalnya pernah dipanggil oleh pihak MAIK, kerana menjadi barua. Kalau bukan untuk tujuan melacur, tidak ada sebab untuk mereka ke sana.

Bukti lain yang menyokong bahawa perempuan ini melacur ialah, di dalam pengakuannya mereka seringkali berjanji tidak akan mengulangi lagi perbuatan jahat atau yang ditegah oleh pihak MAIK.⁷⁴ Sekiranya benar mereka tidak melacur, mereka boleh menafikan dakwaan MAIK. Selain itu ada yang mengaku bahawa dahulu mereka pernah membuat jahat, namun setelah ditangkap mereka berjanji akan meninggalkan kejahatan dan akan berkahwin serta balik ke kampung asal.⁷⁵

⁷³ Lihat kenyataan Minah binti Senik, Aishah binti Musa, Minah binti Dollah, Tuan Yam binti Tuan Sulong, Munah binti Deris dan Munah binti Ahmad. Lihat lampiran (4.1).

⁷⁴ "...Mengakulah saya kemudian daripada tarikh surat ini jika saya melakukan perbuatan jahat bagaimana ditegah oleh Majlis Ugama mengikutlah saya apa-apa hukuman majlis di atas saya menurun tandatangan di bawah ini." Kenyataan Che Jah binti Che Ibrahim. Kenyataan yang sama disuarakan oleh Che Zainab binti Che Leh, Selamah binti Jenal, Limah binti Adam, Mek binti Mamat, Sopia binti Awang, Minah binti Sulaiman, Aishah binti Labuh, Zainab binti Lembek, Che Embun binti Husin, Che Wa binti Hamat dan Che Minah binti Che Awang. Lihat kenyataan mereka di dalam lampiran (4.1).

⁷⁵ "...Maka saya mengaku sekarang saya tidak mahu membuat melakukan kelakuan yang jahat pada masa dahulu betul saya membuat kelakuan yang jahat sekarang saya hendak balik ke Bachok ke kampung tempat saya..." Kenyataan Limah binti Adam. Lihat juga kenyataan Aishah binti Labuh. Sila lihat lampiran (4.1).

Kesimpulan

Secara umumnya dapat dirumuskan terdapat pelbagai sebab seseorang itu melacur. Walau bagaimanapun sukar untuk menentukan dengan tepat mengenai satu-satu sebab yang menjadi punca utama seseorang itu melacur. Ini bermakna satu-satu sebab itu mungkin ada kaitan dengan satu sebab yang lain. Sebab perceraian menjadi punca utama seseorang itu melacur. Setelah diceraikan mereka mengalami tekanan perasaan yang hebat, masalah untuk memenuhi tuntutan batin, perasaan sunyi dan kesepian serta kehilangan tempat bergantung adalah rutin yang terpaksa ditempuhi. Didorong pula oleh nipisnya keimanan telah menyebabkan perempuan tersebut memilih bidang pelacuran. Ini kerana bidang ini telah menghasilkan pendapatan yang lumayan. Selain itu dengan menjadi perempuan simpanan mereka juga ditanggung makan-minum, pakaian dan tempat tinggal. Selain sebab-sebab tersebut tidak dinafikan kebanyakan perempuan melacur adalah kerana kemiskinan. Melalui jalan melacur mereka memperolehi sumber pendapatan untuk menyara kehidupan mereka. Selain itu juga terdapat segelintir yang melacur kerana terpedaya dengan pujuk rayu kenalan. Walau apa pun sebabnya yang menjadi punca berlakunya pelacuran namun terdapat yang menafikan dengan pelbagai alasan untuk mengelakkan dari hukuman.